



**PANDUAN MENGISI BORANG PEMBAYARAN ZAKAT MELALUI POTONGAN GAJI  
FORMAT B (SKIM INFaq).**

1. Borang PEMBAYARAN ZAKAT MELALUI POTONGAN GAJI FORMAT B (SKIM INFaq) hendaklah diisi dengan terang dan jelas.
2. **Borang yang lengkap diisi hendaklah dibuat 3 SALINAN** (salinan Majlis Agama Islam Negeri Johor, salinan Pembayar dan salinan Majikan) sebelum diserahkan kepada Majikan untuk pengesahan.
3. Selepas pengesahan Majikan, borang tersebut hendaklah diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor.
4. Salinan Majikan dan Salinan pembayar akan diserahkan semula kepada pihak majikan untuk pihak majikan memulakan proses pemotongan gaji.
5. Sebarang masalah boleh hubungi bahagian operasi zakat (unit potongan gaji) di talian 07-2282929/935/ 937 atau e-mail di [pgaji@maiij.gov.my](mailto:pgaji@maiij.gov.my)

## **1. KAEADAH PEMBAYARAN ZAKAT MELALUI POTONGAN GAJI**

Pembayaran zakat melalui potongan gaji ini HANYA diurus oleh Pentadbiran Zakat Dan Fitrah di Ibu Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Johor. **Borang Pembayaran Zakat Melalui Potongan Gaji Format B** boleh didapati di semua Pejabat Agama Daerah di Negeri Johor.

### **1.1 TINDAKAN PEMBAYER**

- i. Pembayar hendaklah mengisi **Borang Pembayaran Zakat Melalui Potongan Gaji Format B** yang disediakan oleh Pentadbir Zakat dan Fitrah, Majlis Agama Islam Negeri Johor dengan lengkap.
- ii. Serahkan borang yang lengkap dilihi kepada majikan dan dapatkan persetujuan majikan bagi menggunakan kemudahan ini.
- iii. Bagi pembayar yang hendak membuat pembayaran tambahan, pengurangan jumlah potongan atau bertukar majikan, pembayar dikehendaki mengisi borang baru.

### **1.2 TINDAKAN MAJIKAN**

- i. Majikan dikehendaki menghantar borang yang telah disahkan ke Majlis Agama Islam Negeri Johor bersama senarai nama pembayar dan cek pembayar atas nama **JAWATANKUASA ZAKAT DAN FITRAH NEGERI JOHOR**.
- ii. Bagi potongan bulan berikutnya, majikan hanya perlu menghantar senarai nama pembayar beserta nombor kad pengenalan lama dan baru, jumlah potongan zakat dan cek pembayaran.
- iii. Majikan hendaklah menghantar segera potongan zakat bagi bulan Disember pada setiap tahun untuk direkodkan sebagai pembayaran tahun semasa. Kelewatan menghantar potongan zakat dalam bulan tersebut menyebabkan potongan tidak dapat dikreditkan pada tahun semasa.

### **1.3 TINDAKAN MAIJ**

- i. Majlis Agama Islam Negeri Johor akan mengesahkan terimaan dan mengembalikan semula dua salinan untuk simpanan majikan dan pembayar.
- ii. Jumlah potongan zakat akan dikreditkan ke dalam lejar (akaun) pembayar pada setiap bulan.

## **2. SLIP BAYARAN**

Slip pembayaran zakat pada setiap bulan hanya dikeluarkan kepada majikan sahaja sementara rekod pembayaran individu akan dikreditkan ke dalam lejar (akaun) pembayar.

## **3. PENYATA PEMBAYARAN TAHUNAN**

- 3.1 Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah memberikan kebenaran menggunakan Penyata Pembayaran Tahunan yang mana ianya akan digunakan bagi menggantikan resit rasmi bagi rebet cukai setiap individu.
- 3.2 Penyata Pembayaran Tahunan bagi setiap individu dikeluarkan pada awal tahun berikutnya selepas 12 kali (Jan-Dis) pembayaran diterima.
- 3.3 Penyata Pembayaran Tahunan hendaklah diserahkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri bersama dengan Borang Taksiran Cukai tahun semasa.
- 3.4 Sekiranya berlaku pertukaran alamat surat menyurat, pembayar dikehendaki memaklumkan ke Pentadbiran Zakat dan Fitrah, Majlis Agama Islam Negeri Johor dengan mengisi borang kemaskini supaya Penyata Pembayaran Tahunan dapat dihantar ke alamat terbaru.

## **4. FAEDAH MENGGUNAKAN KEMUDAHAN PEMBAYARAN ZAKAT MELALUI POTONGAN GAJI**

- 4.1 Menjimatkan masa tanpa perlu hadir ke kaunter pembayaran zakat.
- 4.2 Mendapat rebet bagi tolakan cukai pendapatan individu.
- 4.3 Meringankan bebanan dengan bayaran zakat secara bayaran bulanan.
- 4.4 Mengelakkan daripada terlepas menunaikan zakat pada waktunya.